



27 Mac 2025  
27 March 2025  
P.U. (A) 102

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR  
(PELESENAN) (PENGECUALIAN) 2025

*WATER SERVICES INDUSTRY (LICENSING)  
(EXEMPTION) ORDER 2025*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

PERINTAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PELESENAN) (PENGECCUALIAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Industri Perkhidmatan Air (Pelesenan) (Pengeccualian) 2025**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh dari 1 April 2025 hingga 31 Mac 2026.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini—

“Kawasan Terengganu Tengah” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah 1973 [*Akta 104*];

“Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah” ertinya Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah 1973.

**Pengeccualian**

3. Menteri mengeccualikan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah daripada kehendak bagi lesen individu di bawah seksyen 4 Akta bagi kerja pengendalian dan penyenggaraan sistem pembedungan awam di Kawasan Terengganu Tengah, Terengganu.

**Syarat pengeccualian**

4. Pengeccualian di bawah perenggan 3 adalah tertakluk kepada syarat bahawa Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah hendaklah—

- (a) mendapatkan peruntukan kewangan untuk menjalankan suatu kajian pelan induk tadahan pemetungan bagi maksud mengenal pasti keperluan bagi pembaikpulihan dan peningkatan sistem pemetungan di Kawasan Terengganu Tengah;
- (b) mendapatkan peruntukan kewangan untuk menjalankan kerja pembaikpulihan dan peningkatan bagi sistem pemetungan berdasarkan hasil kajian pelan induk tadahan pemetungan yang diluluskan;
- (c) menjalankan kerja menyahenap cemar dan menyahlodak di kolam oksidasi secara berkala; dan
- (d) melantik seseorang yang bertauliah untuk menjalankan suatu persampelan kualiti efluen di loji rawatan kumbahan secara berkala sekurang-kurangnya sebulan sekali, selepas kerja menyahenap cemar dan menyahlodak di kolam oksidasi telah dijalankan.

Dibuat 26 Mac 2025

[PETRA.BAP.100-1/1/3(S)KLT.4; PN(PU2)660/JLD.19]

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
*Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air*

WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006

WATER SERVICES INDUSTRY (LICENSING) (EXEMPTION) ORDER 2025

IN exercise of the powers conferred by section 5 of the Water Services Industry Act 2006 [Act 655], the Minister, upon the recommendation of the Commission, makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Water Services Industry (Licensing) (Exemption) Order 2025**.

(2) This Order has effect for the period from 1 April 2025 to 31 March 2026.

**Interpretation**

2. In this Order—

“Kawasan Terengganu Tengah” has the meaning assigned to it in the Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah Act 1973 [Act 104];

“Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah” means the Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah established under section 3 of the Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah Act 1973.

**Exemption**

3. The Minister exempts the Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah from the requirement for individual licence under section 4 of the Act for the operation and maintenance of the public sewerage system in the Kawasan Terengganu Tengah, Terengganu.

**Conditions of exemption**

4. The exemption under paragraph 3 is subject to the conditions that the Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah shall—

- (a) obtain financial allocations to carry out a sewerage catchment master plan study for the purpose of identifying the needs for refurbishment and upgrading of the sewerage system in the Kawasan Terengganu Tengah;
- (b) obtain financial allocations to carry out refurbishment and upgrading works for the sewerage system based on the outcome of the approved sewerage catchment master plan study;
- (c) carry out desludging and desilting works in oxidation ponds periodically; and
- (d) appoint an accredited person to carry out an effluent quality sampling in the sewage treatment plant periodically, at least once a month, after the desludging and desilting works in the oxidation ponds have been carried out.

Made 26 March 2025

[PETRA.BAP.100-1/1/3(S)KLT.4; PN(PU2)660/JLD.19]

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
*Minister of Energy Transition and Water Transformation*